

**Anifah Lobi Sokongan Pelancongan Malaysia Duduki Kerusi Majlis Keselamatan PBB  
Bernama  
Mei 19, 2014**

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman sedang melakukan lawatan ke New York untuk melobi sokongan terhadap pencalonan Malaysia menduduki kerusi tidak tetap dalam Majlis Keselamatan PBB (UNSC) bagi sesi 2015-2016, daripada negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Wisma Putra dalam satu kenyataan Isnin berkata Anifah turut disertai pegawai-pegawai kanan kementerian semasa lawatan mulai Isnin hingga 24 Mei.

Anifah dijadual mengadakan mengunjungi Setiausaha Agung PBB Ban Ki-moon dan Presiden sesi ke-68 Perhimpunan Agung PBB John Ashe untuk bertukar pandangan mengenai perkara kepentingan bersama.

Beliau juga akan memberi penerangan mengenai keutamaan Malaysia sekiranya negara dipilih menduduki kerusi berkenaan.

Menurut Wisma Putra, pada Rabu Anifah dijadual mengambil bahagian dalam mesyuarat peringkat tinggi Perhimpunan Agung PBB mengenai sumbangan daripada negara Utara-Selatan, Selatan-Selatan, Kerjasama Segitiga dan Pembangunan Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT) bagi Pembangunan untuk Pelaksanaan Agenda Pembangunan Pasca 2015.

Pada hari sama, Anifah dijadual menyampaikan ucapan pembukaan di panel perbincangan mengenai memperkukuhkan Operasi Pengaman PBB di pejabat Wakil Tetap Malaysia di PBB.

Acara ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran terhadap aspek pelbagai dimensi operasi pengaman PBB.

Pada Khamis, Anifah akan menghoskan majlis sambutan di ibu pejabat PBB di New York dan merasmikan pameran foto mengenai Penglibatan Malaysia di PBB, menurut kenyataan itu.

Pada hari berikutnya, beliau akan menghadiri mesyuarat peringkat tinggi mengenai Mencapai Pembasmian Kemiskinan Melalui Guna Tenaga Penuh dan Pekerjaann Yang Baik untuk Semua dalam Agenda Pembangunan pasca 2015.

Wisma Putra berkata Anifah juga akan menghoskan beberapa siri majlis jamuan tengah hari untuk wakil tetap negara-negara anggota PBB untuk melobi sokongan negara terbabit terhadap pencalonan Malaysia.

Beliau juga akan mengadakan sesi taklimat kepada wakil-wakil tetap negara anggota Kumpulan Amerika Latin dan Caribbean (GRULAC); Kumpulan Afrika dan ahli-ahli Forum Kepulauan Pasifik (PIF).

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039326>